

Seorang lagi MP BERSATU nyata sokongan kepada Anwar

Kuala Lumpur: Seorang lagi Ahli Parlimen BERSATU menyatakan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjadikan wakil rakyat keenam daripada parti itu berbuat demikian.

Ahli Parlimen Tanjong Karang, Datuk Dr Zulkafperi Hanafi menyatakan sokongannya berkuat kuasa semalam selepas menyedari keperluan kepada kestabilan politik dan kelancaran

pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata, keputusan itu juga sebagai menginsafi keperluan kehidupan rakyat dengan kos sara hidup yang menghimpit ketika ini.

“Keputusan ini bertujuan untuk memastikan nasib dan pembangunan penduduk di Parlimen saya terus terbeladan akan mendapat pelbagai manfaat termasuk peningkatan infrastruktur dan keperluan setempat.

“Saya juga ingin menyatakan

sokongan kepada dasar dan inisiatif Kerajaan MADANI yang mengutamakan kebajikan, pembangunan, ekonomi dan kepentingan rakyat sehingga Pilihan Raya Umum akan datang,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada kenyataan sama, beliau menegaskan masih setia sebagai ahli BERSATU dan tidak akan mengkhianati parti itu.

“Demi kelangsungan Parlimen Tanjong Karang seiring de-

ngan pemerintahan peringkat Persekutuan, adalah wajar untuk saya bersama dengan kepimpinan Putrajaya yang diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim,” katanya.

Tambah beliau, pengisytiharan sokongan itu dibuat tanpa paksaan dan tekanan daripada mana-mana pihak.

“Saya lakukan dengan sepenuh hati untuk kepentingan penduduk Tanjong Karang,” katanya.

Sebelum ini, lima Ahli Parlimen BERSATU yang terlebih dahulu mengisytiharkan sokongan kepada Anwar adalah Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz; Ahli Parlimen Jeli, Zahari Kechik; Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd Azizi Abu Naim; Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid dan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman.